

KOMUNIKASI BERKESAN MEMBINA SAHSIAH PELAJAR

Sohana Abdul Hamid

Pensyarah, Jabatan Kenegaraan Dan Pengajian Ketamadunan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS)
sohana@kuis.edu.my

Hairun Najuwah Jamali

Pensyarah, Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS)
hairunnajuwah@kuis.edu.my

Diterima: 12 Februari 2017

Direvisi : 15 Mei 2017

Diterbitkan: 25 Juni 2017

Abstract

Communicating effectively viewed as one of the elements that should be included in the learning process. Therefore educators play a key role in effective communication practice in teaching and learning. This article will discuss the formation of the personality of students through effective communication in teaching and learning process. This article can also give an overview to the educator that the application of effective communication is important and can influence personality development of students. While the character or personality by personality or personal terms mean (Kamus Dewan, 2001, 1169). Personality also refers to the tendency of individuals behave. This means that every individual is no way to act of its own and a way of acting that is more or less the same from day to day. From the above definition, it can be concluded that the reference to the character and personality of the individual measures depending on the circumstances, situations and environments. Therefore personality self-confident and able to lead to excellence in academics and beyond will prevail leadership traits in students.

Keywords: *Communication, effective communication, personality, student.*

Abstrak

Komunikasi secara berkesan dilihat sebagai satu elemen yang penting yang perlu ada dalam proses pembelajaran. Oleh sebab itu pendidik memainkan peranan penting dalam mempraktikkan komunikasi berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini akan membincangkan mengenai pembentukan sahsiah pelajar melalui komunikasi yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini juga dapat memberi gambaran umum kepada pihak pendidik bahawa pengaplikasian komunikasi yang berkesan amat penting dan dapat mempengaruhi pembinaan sahsiah pelajar-pelajar. Manakala sahsiah atau personaliti mengikut istilah bermaksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2001, 1169). Sahsia juga merujuk kepada sistem kecenderungan bertingkahtaku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari. Daripada definasi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sahsiah merujuk kepada perwatakan dan tindakan individu bergantung kepada keadaan, situasi dan juga persekitaran. Sahsia dan jati diri yang teguh mampu membawa kepada kecemerlangan dalam akademik dan seterusnya akan terserlah ciri-ciri kepimpinan pada diri pelajar

Kata Kunci: Komunikasi, komunikasi berkesan, sahsiah, pelajar.

Pendahuluan

Kemahiran komunikasi berkesan dilihat sebagai elemen yang penting untuk dikuasai oleh individu bagi memenuhi

keperluan mereka dalam pelbagai bidang seperti akademik, persediaan untuk kerjaya dan perhubungan sosial. Untuk itu, warga pendidik adalah ejen perubahan dan perkembangan

kemahiran berkomunikasi berkesan ini bagi memastikan ia dapat diperturunkan pula kepada pelajar mereka nanti.

Komunikasi mempunyai fungsi yang sangat luas dalam kehidupan manusia. Bagi ahli sosiologi, komunikasi adalah satu proses interaksi yang membantu proses sosialisasi, melahirkan institusi sosial, dan berpengaruh ke atas budaya dan struktur sosial. Setiap individu mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang tersendiri. Contohnya dalam proses warga pendidik dan pelajar bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan, mereka mencipta makna antara satu sama lain. Apabila mereka berkomunikasi mereka saling menyatakan pengalaman dan pengetahuan masing-masing dan dengan cara itu mereka mendapat makna daripada pertukaran tersebut.

Mok Soon Sang (2000) menyatakan proses komunikasi berlaku hampir segala jenis, aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ini turut disokong oleh Ee, Ah Meng (1999) yang menegaskan bahawa komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Amir Sharifuddin (1986) pula menyatakan, komunikasi memainkan peranan penting dalam menyampaikan pelajaran. Fungsi menyampaikan pelajaran berjalan sepanjang masa dalam semua lapisan masyarakat. Hal ini jelas ternyata bahawa kemahiran komunikasi merupakan nadi utama di sesebuah institusi pendidikan. Pendidikan yang ada di mana-mana institusi merupakan proses dan aktiviti yang bertujuan untuk membawa perubahan kepada seseorang individu khususnya pelajar.

Proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja bermatlamatkan menjadikan pelajar berilmu pengetahuan tetapi juga pembentukan sahsiah diri mereka dengan menerapkan kemahiran-kemahiran yang berguna. Dua orang jurutera yang mengkaji komunikasi iaitu

Shannon dan Weaver menjelaskan komunikasi digunakan dengan pengertian yang luas untuk melibatkan semua prosedur di

mana satu minda boleh mempengaruhi minda yang lain. Ini. Termasuklah tulisan, percakapan, muzik, seni lukis, teater, ballet dan semua perlakuan manusia. (Amir Aris & Ahmad Rozelan, 2016).

Kajian tersebut menjelaskan bahawa kemahiran komunikasi adalah satu proses yang mampu memberi impak kepada minda individu yang lain. Dalam ertikata lain contohnya dalam bidang akademik, tidak dinafikan pendidik adalah ejen pembolehubah kepada sahsiah pelajar ke arah positif atau sebaliknya. Amir Aris & Ahmad Rozelan (2016) seterusnya menyatakan bahawa pengaruh tingkah laku atau "*attitude influence*" merupakan perkara biasa dalam kehidupan harian kita. Ini kerana komunikasi juga dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang contohnya dengan cara percakapan seseorang kita boleh menilai tingkah laku beliau. Contohnya seseorang yang suka melawan cakap ibubapa apabila di nasihati dengan baik dan berhemah maka sedikit demi sedikit sikap atau tingkah laku tersebut dapat diubah kepada yang lebih baik. Di sini jelas menunjukkan bahawa teknik atau cara komunikasi yang baik amat penting bagi melahirkan tingkah laku atau sikap yang baik.

Para guru merupakan golongan manusia yang memberi impak yang besar terhadap perkembangan personaliti, mental, fizikal kepada setiap manusia (Noran Fauziah dan Ahmad Mahdzan, 1992). Bertepatan dengan gelaran sebagai ejen perubahan kepada pembangunan diri dan sahsiah pelajar, sudah tentu ia menjadi masalah sekiranya guru itu sendiri tidak mempunyai motivasi yang tinggi dan asas penguasaan yang kukuh dalam kemahiran berkomunikasi dan sekaligus tidak dapat menurunkan kemahiran ini kepada pelajar mereka yang sememangnya mempunyai latar belakang dan kesediaan diri yang berbeza.

Komunikasi Berkesan

Definisi komunikasi menurut kamus dewan edisi ke-3 ialah perhubungan langsung atau tidak langsung dengan perantaraan surat, radio, telefon dan alat-alat yang boleh digunakan untuk berkomunikasi. Komunikasi juga bermaksud mengadakan perhubungan seperti berbincang antara satu sama lain, bercakap-cakap dan bertukar pendapat antara satu pihak dengan pihak yang lain.

S.S Stevens, seorang pakar psikologi mendefinisikan komunikasi sebagai satu respon oleh satu organisme kepada satu rangsangan (stimulus). Definisi ini mengatakan bahawa komunikasi berlaku apabila gangguan persekitaran (rangsangan) mempengaruhi satu organisme dan orang tersebut berbuat sesuatu terhadapnya. Sekiranya rangsangan itu tidak dipedulikan oleh orang, maka tidak ada komunikasi wujud. (Amir Aris & Ahmad Rozelan, 2016).

Komunikasi mempunyai fungsi-fungsi tertentu antaranya menjalinkan hubungan antara dua orang manusia, bertukar maklumat seterusnya melahirkan makna. Makna inilah yang mewujudkan kefahaman antara kedua belah pihak. Selain itu, komunikasi juga mampu berperanan mempengaruhi sikap, nilai dan kepercayaan orang lain. Komunikasi berkesan atau komunikasi efektif pula boleh didefinisikan sebagai komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat dengan jelas daripada penyampai kepada penerima dalam usaha mencapai matlamat organisasi.

Menurut Abdullah dan Ainon (2003), komunikasi berkesan mempunyai lima ciri khusus iaitu:

- (a) Kefahaman terhadap maklumat,
- (b) Keseronokan semasa menyampaikan maklumat,
- (c) Pengaruh ke atas sikap, nilai dan kepercayaan disebabkan oleh maklumat yang ingin disampaikan,
- (d) Perhubungan yang bertambah baik dan
- (e) Adanya tindakan yang menyusuli.

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa komunikasi berkesan adalah proses dua hala melalui penghantaran mesej yang betul, diterima dan difahami oleh orang lain. Bagi menjadikan komunikasi itu berkesan adalah penting untuk memahami bagaimana manusia berinteraksi dan menginterpretasikan sesuatu mesej. Proses ini berlaku dalam sesi pengajaran dan pembelajaran didalam kuliah. Pada pendapat Shahrul,Z (2015) pengajaran dan pembelajaran melibatkan interaksi diantara pensyarah dengan pelajar. Namun demikian bagi mendapatkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, pensyarah perlu memastikan interaksi yang berlaku adalah berkesan. Oleh yang demikian, komunikasi yang berkesan akan mendatangkan interaksi dua hala yang seterusnya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan baik. Kajian yang dilakukan oleh Azizah (2000) mendapati bahawa pendidik yang tidak senyum ketika masuk ke bilik kuliah(atau bilik darjah) juga menjadi faktor penghalang kepada keberkesanan komunikasi diantara pendidik dan pelajar.

Melalui ciri-ciri komunikasi berkesan di atas, pengaruh ke atas sikap, nilai dan kepercayaan disebabkan oleh maklumat yang ingin disampaikan adalah faktor utama yang boleh membantu membina sahsiah pelajar di institusi pendidikan. Amalan komunikasi berkesan di kalangan warga pendidik mampu menimbulkan hasil seperti yang diharapkan oleh pendidik dan seterusnya membawa perubahan kepada sahsiah pelajar. Dalam hal ini penyampai adalah warga pendidik, dan penerimanya adalah pelajar yang terdapat di sesebuah institusi. Perubahan sahsiah yang lebih baik pula bermaksud pelajar berupaya merubah sahsiah yang terdahulu ke arah yang lebih baik dengan melaksanakan tindakan yang sepatutnya mereka laksanakan akibat daripada maklumat yang disampaikan oleh puncanya iaitu pendidik.

Kebolehan pendidik menyampaikan maklumat dengan berkesan serta tidak mengelirukan akan membangkitkan dorongan motivasi yang tinggi kepada peajar dan mampu membangkitkan perasaan saling mempercayai antara satu sama lain. Hal ini kerana pendidik merupakan golongan yang tugasnya adalah menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni (Razali Saaran, 2010). Menurut Imam al-Ghazali, guru adalah seseorang yang memiliki ilmu pengetahuan, sentiasa mempelajari ilmu baru dan menyampaikan kepada orang lain. Beliau juga menyifatkan seseorang pendidik perlu memiliki sifat sabar, kasih sayang, tidak takabbur, tawaduk, bersungguh-sungguh dalam penyampaian dan berani mempertahankan hujah yang benar (Mohd Azam Mahat, 2009).

Profesion sebagai seorang pendidik amat mulia di sisi Islam. Tanggung jawab dan amanah ini menggesa para pendidik sentiasa memperkemarkan diri dalam pelbagai kemahiran dan pengetahuan supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan memberi kesan yang positif kepada pelajar. Peranan pendidik bukan sekadar menghadirkan diri ke kelas dan menghabiskan silibus yang telah ditetapkan mengikut tempoh-tempoh tertentu tetapi tugas mereka lebih daripada itu iaitu untuk membentuk dan mendidik manusia terutamanya pelajar agar lebih terdidik, beradab dan berakhlak terhadap pencipta dan makhluk.

Latar Belakang Masalah

Pembentukan sahsiah pelajar bukan sesuatu yang mudah kerana pelbagai cabaran perlu ditempuhi oleh mereka yang bergelar pendidik. Tanggungjawab pendidik sangat besar dan mencabar dalam mendidik seseorang menjadi insan yang dihormati masyarakat.

Kita lihat sendiri pelbagai isu mudah tersebar luas (viral) dalam media sosial oleh pelajar yang kebanyakannya adalah negatif

dan ini menunjukkan komunikasi dua hala dan berkesan semakin berkurangan pada masa ini. Pelajar-pelajar dan remaja kita sudah menerjah keluar daripada kepompong kepasifan yang membelenggukan. Era baru dalam pembentukan sahsiah golongan ini terpapar di hadapan mata kita. Era baru sahsiah golongan pelajar dan remaja kita yang dulunya pasif, malangnya bukan berubah atau bertukar menjadi manusia yang aktif malah memaparkan model kerosakan dan keruntuhan moral yang semakin menjadi-jadi sehingga mengancam masa depan Negara. Di manakah silapnya? Salahkah para guru mengasuh dan mendidik benih-benih muda ini? Atau apakah Dasar Pendidikan Negara tidak berkesan? Mungkinkah unsur-unsur luaran amat berpengaruh dan berkesan sehingga dapat mengubah halatuju dan pendirian serta sikap para pelajar atau remaja kita? Segala-galanya berkemungkinan menjadi punca dan menjadi sebab akibat menularnya kepincangan moral yang berleluasa dan akan berterusan jika tidak dibendung secepat mungkin. Hasil daripada kajian Abdullah et al (2014) ada merumuskan bahawa kegagalan pendidik dalam berkomunikasi secara berkesan boleh menyebabkan institusi pendidikan atau sekolah berada dalam keadaan tidak terurus dan kucar – kacir. Di samping itu masalah ini juga boleh menyebabkan kecemerlangan sahsiah pelajar juga turut menurun. Oleh sebab itu, artikel ini akan membincangkan mengenai komunikasi berkesan dapat membina sahsiah pelajar

Membina Sahsiah Pelajar

Sahsiah atau personaliti mengikut istilah bermaksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2001, 1169). Sahsiah juga merujuk kepada sistem kecenderungan bertingkahtaku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari (Siti Fatimah , 1993:50). Kagan (1988) mentakrifkan sahsiah sebagai

corak keseluruhan seseorang individu yang merangkumi cara dia berfikir, berasa, bertingkah laku dan cara berhubungnya dengan alam sekitar. Begitu juga menurut takrifan EE Ah Meng (1997:131) yang mengatakan sahsiah merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. (Mohd Ismail Bin Mustar et.al, 2004). Sahsiah menurut Hassan (2003) ialah susunan tertentu yang terdiri dari kebiasaan-kebiasaan. Susunan itulah yang menentukan tingkah laku seseorang dan membezakan sahsiahnya dari orang lain. Definisi ini menunjukkan sahsiah adalah satu keperibadian yang boleh dibentuk secara sistematik. Istilah membentuk sahsiah di dalam artikel ini adalah berdasarkan kepada kamus Dewan Edisi Keempat (2007) iaitu membaiki kelakuan orang; mendidik dan mengajar orang.

Remaja atau pelajar yang cemerlang adalah remaja yang seimbang antara pencapaian akademik dan sahsiahnya. Remaja yang sempurna pembentukan dirinya mempunyai empat elemen utama iaitu dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek. Gabungan kepada empat elemen tersebut akan menjadikan pembentukan sahsiah mereka adalah secara holistik.

Sesungguhnya Allah swt amat menyukai akhlak yang baik sebagaimana dalam hadis Rasul saw yang bermaksud :*Daripada Sabl b Saad r.a Nabi saw bersabda: ;Sesungguhnya Allah Azawajalla adalah mulia. Ia menyukai kemuliaan. Ia juga menyukai akhlak yang tinggi dan membenci akhlak yang rendah.*" (Riwayat al-Hakim al-Tabrani yang dipetik daripada 300 Hadis Bimbingan ke arah mencari reda Allah).

Sering kali kedengaran melalui media massa isu keruntuhan akhlak di kalangan pelajar terutamanya pelajar sekolah. Ia menjadi semakin ketara di kalangan remaja khususnya pelajar sekolah. Penyalahgunaan dadah, peras ugut, buli, merokok, lepak atau berkeliaran di tempat hiburan dan pasar raya sudah menjadi

satu berita biasa yang didengari dalam masyarakat. Apa yang menyedihkan, wujud segelintir pihak menuding jari menyalahkan antara satu sama lain yang menjadi punca keruntuhan akhlak ini. Seperti ibu bapa menyalahkan pendidik sebagai pembimbing di sekolah manakala sebaliknya pendidik menyalahkan cara didikan ibu bapa di rumah. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana perlunya ada jalinan kerjasama komunikasi dengan baik bagi menjamin sahsiah murni di kalangan anak-anak sama ada di rumah atau di sekolah.

Pembinaan sahsiah pelajar boleh dibina dengan pelbagai faktor sama ada daripada luar atau daripada dalam diri pelajar sendiri. Pembentukan sahsiah di dalam artikel ini adalah berdasarkan kepada keterlibatan mereka di dalam bilik kuliah atau dalam bilik darjah. Aktiviti di didalam kelas juga dikenali sebagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran.. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah adalah aktiviti yang dirancang dimana memberikan pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam bilik darjah.

Komunikasi berkesan dilihat sebagai salah satu faktor luaran yang mampu memberi impak kepada pembinaan sahsiah pelajar. Kajian Ahmad Firdaus *et.al* (2016) terhadap pembinaan hubungan di antara guru dan pelajar mendapati guru sebagai pendidik mampu menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar yang diantaranya melalui komunikasi yang berkesan selain dorongan motivasi dan bantuan instrumental. Hasil Penyelidikan oleh Hassan & Safar (n.d) dapat disimpulkan bahawa bagi melahirkan graduan yang berkualiti sepertimana hasrat universiti memerlukan kepada pembinaan kecemerlangan diri yang menyeluruh. Ini kerana, sahsiah dan jati diri yang teguh mampu membawa kepada kecemerlangan dalam akademik dan seterusnya akan terserlah ciri-

ciri kepimpinan pada diri pelajar. Selain itu pelaksanaan, penerapan dan amalan akhlak dan nilai terpuji dalam kehidupan seharian pelajar amat dituntut agar dapat membina sahsiah pelajar berkualiti di samping faktor keluarga, rakan-rakan dan pensyarah yang sentiasa mempengaruhi tindahtanduk pelajar tersebut (Mohammad, Suradin & Khamisan, 2008).

Pendapat Mohammad, Suradin & Khamisan, (2008) juga berpendapat faktor keluarga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembinaan sahsiah pelajar berkualiti. Didikan yang sempurna dan konsisten dari keluarga serta pemantauan yang teliti dari keluarga terhadap tingkah laku pelajar merupakan langkah yang terbaik dalam membendung pelajar dari terlibat dengan masalah sosial.

Sekolah memainkan peranan penting selepas institusi keluarga dalam pembentukan akhlak dan ini jelas termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Peranan guru kini menjadi semakin penting bagi memastikan sahsiah murni dalam kalangan pelajar dapat dibentuk serta kekal terpelihara.

Sesungguhnya budaya masyarakat Malaysia yang unik amat kaya dengan pelbagai nilai serta tata cara hidup yang murni. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru dalam mendidik pelajar bukan saja untuk mengenali nilai serta tata cara hidup yang murni, malah menghayati serta mengamalkannya setiap masa.

Penghayatan amalan moral dan akhlak yang baik dalam kalangan pelajar diharap dapat merealisasikan matlamat pendidikan negara serta mencapai salah satu hasrat Wawasan 2020 dengan melahirkan masyarakat yang mempunyai sahsiah, jati diri serta akhlak murni yang tinggi.

Kesimpulan

Komunikasi merupakan kehidupan manusia. Sama ada Islam atau Barat, peranan komunikasi dalam menyampaikan maklumat bagi menjalinkan hubungan manusia amat

penting dan juga sebagai melunaskan matlamat komunikasi itu sendiri. Oleh yang demikian, komunikasi dakwah di kalangan pendidik terhadap pelajar perlu memberi impak yang besar kepada perubahan dalam kehidupan mereka dengan mengikut acuan Islam. Pendidik sebagai ejen dakwah perlu sentiasa prihatin dan memperbaiki penyampaian supaya sejajar dengan keperluan sahsiah pelajar dan kehendak semasa. Komunikasi yang berkesan sesungguhnya merupakan asas pendidikan yang bermutu.

Proses komunikasi adalah suatu proses yang berkaitan dengan tindakan manusia dengan dirinya sendiri, dengan orang lain dan juga dengan persekitarannya. Begitu juga dengan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang guru (pendidik) dalam mengajar dan mendidik pelajar. Pembentukan sahsiah murid bukan sesuatu yang mudah kerana pelbagai cabaran perlu ditempuhi oleh mereka yang bergelar pendidik. Jelaslah di sini bahawa tugas seseorang guru tidak dapat dipisahkan daripada proses berkomunikasi dengan pelajar untuk menyampaikan ilmu kerana ia adalah amanah Allah S.W.T. Oleh sebab itu, mereka perlu berhati-hati untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini. Komunikasi yang berkesan adalah faktor penyumbang besar kepada kefahaman, pencapaian dan perubahan sahsiah seseorang pelajar.

Daftar Pustaka

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2003. Komunikasi Untuk Pemimpin. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah, M., K., Johari, K. Ag Chuchu, Ag Y. & Laji, H. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah dan Tingkah laku Delikuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal For Educational Thinkers)* Vol. 5, pp. 59-77, ISSN 1985-3637.

- Amir Aris & Rozelan Yunos. 2016. Siri Latihan Pembangunan Staf Komunikasi Berkesan.
<https://www.researchgate.net/publication/308414649>
- Ahmad Firdaus Mohd Noor et.al. 2016. Pembinaan Hubungan Di Antara Guru Dan Pelajar. Jurnal Teknikal Dan Sosial Sanis. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ee Ah Meng (1999). Pendidikan Sebagai Satu Proses : Asas Pendidikan 1. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hassan Langgulung. 2003. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Edisi Kelima. Jakarta. Pustaka Al Husna Baru. *College Student Development*, 45(4), 391-406
- Mohamad.,B.,Suradin., A. & Khamisan., Z, H. (2008). Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008
- Mohd Amir Sharifuddin Hashim (1986). Pengurusan Bilik Darjah : Interaksi Guru – Murid. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Azam Mahat. 2009. Guru Pendidik, Pengajar Atau Pendakwah? Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd,
- Mohd Ismail Bin Mustari et.al.2004. Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor.
<http://eprints.utm.my>
- Kamus Dewan. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang (2000). Siri Pendidikan Perguruan – Pendidikan Di Malaysia (Edisi Ketujuh) Untuk Diploma Perguruan. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1992). Guru dan Perguruan Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Saaran. 2010. Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik . Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd.
- Sahrul,Z (2015) Kepentingan Penguasaan Kemahiran Komunisasi dalam Kelompok Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi.
<http://www.slideshare.net/featured/category/education> @23.5.2017 @ 11pg.